

12/05/1998

Mesir sedia tanah untuk kilang Kancil

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KERAJAAN Mesir bersetuju memberi tanah yang agak luas untuk membina kilang memasang kereta Perodua Kancil yang mula mendapat pasaran menggalakkan di republik itu.

Kerjasama membina kilang itu akan dilakukan dengan sebuah syarikat tempatan yang berminat melabur dalam perniagaan memasang dan mengeluarkan Perodua Kancil di Mesir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sudah meminta Perdana Menteri Mesir, Kamal Ahmed Al-Ganzouri menyokong seboleh mungkin untuk menjayakan projek itu.

Di Mesir, ada banyak kilang pemasangan kenderaan yang tidak digunakan sepenuhnya. Meskipun ia mempunyai keupayaan yang tinggi tetapi dari segi pengeluaran sebenarnya adalah rendah.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata Malaysia boleh memasang kenderaannya di negara itu menggunakan kilang sedia ada.

Dalam lawatan rasmi tiga hari ke Mesir, Dr Mahathir melawat bilik pameran Perodua Kancil. Setakat ini, sebanyak 80 unit Perodua Kancil dibawa masuk ke negara ini dan tempahan adalah menggalakkan. Bulan ini, 120 unit lagi kereta itu akan dibawa masuk ke negara itu.

(END)